

Oleh Nur Saliawati Salberi
nursaliawati@mediapri-
ma.com.my
Melaka

Harian Metro
26/9/2015
m/s 8

FORMULA AIR AJAIB

■ Minuman daripada ramuan daun herba didakwa rawat 15 penyakit

FOTO: MUHAMMAD HATIM AB MANAN

Slepas menderita penyakit buasir dan gastrik, seorang bekas tukang kebun sekolah Anuar Hashim, 59, berazam mencari penawar bagi mengubati penyakit dihidapinya hingga menemui ramuan 'air herba ajaib' secara tidak sengaja menggunakan campuran daun herba.

Menurutnya, penemuan air herba ajaib itu satu kebetulan yang begitu bermakna menyebabkan dia mahu berkongsi dengan semua orang terutama mereka yang menghidap penyakit kritikal.

Katanya, kebanyakan pengunjung yang pernah mencuba air herba dihasilkannya mengakui ia berkesan membantu merawat lebih 15 jenis penyakit seperti buasir, lenguh badan, kencing manis, sakit lutut, darah tinggi, jantung, senggugut, asma, gout, migrain, rabun, angin ahmar, kebas kaki dan tangan, paru-paru berair, buah pinggang dan barah prostat.

Menurutnya, dia menemui ramuan rahsia itu secara tidak sengaja selepas memetik beberapa helai daun herba ketika menghadiri kursus landskap ketika masih lagi



ORANG ramai tidak melepaskan peluang mengambil sendiri air herba ajaib dibuat Anuar.

berkhidmat sebagai tukang kebun.

"Semuanya bermula pada

1997, saya yang menderita buasir dan gastrik berazam mencari ubat yang mujarab.

Selepas menemui ramuannya, saya cuba merawat diri sendiri terlebih

dulu dan menunjukkan kesan apabila penyakit sembuh, saya percaya ramuan air ajaib itu menjadi.

“Bagaimanapun, pada awalnya saya tidak berkongsi dengan orang kerana bimbang ada kesan sampingan, namun selepas lebih 10 tahun ia tidak memberi komplikasi membuatkan saya berani berkongsi dengan umum,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Jalan Solok Kotalam 2, Kampung Pengkalan Batu di sini.

Katanya, ramuan air herba ajaibnya itu tidak dicampur bahan kimia mahupun pengawet, ia ramuan tulen daripada hasil rebusan daun herba yang direneh, malah sampel air itu dibekirkan kepada pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk kajian yang memastikan ia selamat diminum.

Anuar berkata, pada mulanya, dia berkongsi rahsia itu dengan ahli keluarga dan kenalan rapat, namun mula tersebar ke seluruh negara menyebabkan pekarangan rumahnya kini dikunjungi antara 2,000 hingga 3,000 orang setiap malam yang mahu mencuba ramuan rahsia itu.

“Ada seorang pesakit kencing manis tahap empat da-

ANUAR (kiri) beramah mesra dengan pelanggan yang berkunjung ke rumahnya bagi mendapatkan air herba ajaib dihasilkannya.

tang dan dia mengamalkan minuman ini sebagai ikhfiar terakhir kerana doktor menyarankan kakinya dipotong.

“Namun selepas beberapa kali datang, dia menunjukkan kesan positif, kakinya yang terjejas teruk akibat kencing manis mula sembuh dan tidak perlu dipotong.”

katanya.

Katanya, niatnya hanya satu mahu membantu individu yang mengalami masalah kesihatan kembali sembuh seperti biasa, malah dia tidak menetapkan bayaran tertentu kepada pesakit.

“Saya bukan mahu berniaga tetapi membantu orang susah sebab itu saya tidak meletakkan harga, pengunjung boleh memberikan sumbangan ikhlas mengikut kemampuan kerana keutamaan saya mahu melihat pesakit kembali sembuh.

“Cuma dua pantang yang perlu mereka ikut selepas minum air ini iaitu tidak mengambil minuman berka-

fein dan menjamah ikan pari.

“Setiap bancuhan air herba itu hanya dapat bertahan selama 72 jam dan perlu disimpan dalam termos bagi memastikan ia sentiasa panas dan mengekalkan khasiatnya,” katanya.

Seorang pengunjung K Gunung Segaran, 49, dari Gemas, Negeri Sembilan berkata, dia sanggup memandu ke Melaka semata-mata mahu mendapatkan bekalan teh berkenaan yang didakwa mampu menyegarkan badan.

“Selepas mendapat tahu mengenai teh herba ajaib ini, perasaan ingin mencuba membuak-buak membuatkan sanggup datang ke Melaka, walaupun jauh tetapi berbaloi kerana dapat merasai kesannya dalam masa singkat.

“Badan yang sebelum ini lesu kembali bertenaga, saya bertanya kepada Anuar mengenai campuran ramuan itu tetapi dia merahsiakannya,” katanya.

Seorang lagi pengunjung Khalid Abd Majid, 51, berkata, dia tidak menyangka kunjungannya beberapa kali ke rumah Anuar dan mengamalkan meminum air herba ajaib itu memberi kesan positif membantu merawat penyakit kencing manis dihidapinya.

FAKTA

Dua pantang perlu diikuti selepas minum air herba iaitu tidak mengambil minuman berkafien dan tidak memakan ikan pari